

3756/2

Prinsip Perakaunan

Nama: _____

Kertas 2

2 jam 30 minit

Tingkatan: _____



PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM 2021

PRINSIP PERAKAUNAN

Kertas 2

Dua jam tiga puluh minit

JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

	Kegunaan Guru Pemeriksa		
	Soalan	Markah Penuh	Markah Diperoleh
1. <i>Kertas peperiksaan ini mengandungi dua bahagian : Bahagian A dan Bahagian B.</i>			
2. <i>Jawab semua soalan di Bahagian A dan dua soalan dalam Bahagian B.</i>	<u>Bahagian A</u>		
3. <i>Tulis jawapan anda pada kertas Jurnal, Lejar Buku Tunai dan helaian tambahan yang dibekalkan.</i>	1	10	
4. <i>Markah yang diperuntukkan bagi setiap soalan atau ceraian soalan ditunjukkan dalam kurungan.</i>	2	25	
5. <i>Sekiranya anda hendak menukar jawapan, batalkan dengan kemas jawapan yang telah dibuat. Kemudian tulis jawapan yang baru.</i>	3	25	
6. <i>Tunjukkan kerja mengira. Ini membantu anda mendapatkan markah.</i>	<u>Bahagian B</u>		
7. <i>Mulakan jawapan bagi setiap soalan pada helaian yang baru.</i>	4	20	
8. <i>Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik yang tidak boleh diprogram.</i>	5	20	
	6	20	
	Jumlah		

Kertas soalan ini mengandungi **10** halaman bercetak

BAHAGIAN A*Jawab semua soalan.**[60 markah]*

- 1 (a) Nyatakan prinsip dan konsep perakaunan yang diamalkan bagi setiap situasi di bawah:
- (i) Perniagaan Farahin telah menetapkan kaedah baki berkurangan dalam pengiraan susut nilai perabot perniagaannya. *[1 markah]*
- (ii) Laporan kewangan Kedai Perabot CC disediakan bagi urus niaga yang berlaku dari 1 Januari 2020 hingga 31 Disember 2020. *[1 markah]*

(b)

Pada 15 Mei 2021, Kedai Elektrik Joey menjual 1 unit peti sejuk berharga RM2 000 kepada Felicia secara kredit.

Nyatakan akaun yang perlu didebitkan dan dikreditkan oleh Kedai Elektrik Joey. *[2 markah]*

(c) Nyatakan 2 ciri bagi perniagaan Dick & Lee Saloon. *[2 markah]*

(d) Kelab AiVy membekalkan maklumat yuran seperti berikut. *[2 markah]*

	RM
Yuran belum terima pada 1.1.2020	1 50
Jumlah kutipan yuran bagi tahun 2020	3 050

Anda dikehendaki menghitung yuran untuk tahun 2020. *[2 markah]*

(e) Maklumat berikut diperolehi daripada buku Perniagaan Ehsan pada 31 Oktober 2020.

	RM
Kenderaan	85 000
Akaun Belum Terima	20 500
Gaji	9 000
Akaun Belum Bayar	20 000
Bank (overdraf)	8 000
Inventori akhir	21 500

Hitung nisbah semasa perniagaan itu pada tarikh tersebut. *[2 markah]*

2. Encik Poon, pemilik Kedai Cermin Mata Poon. Buku-buku perniagaannya direkodkan dengan tidak menggunakan sistem catatan bergu.

Maklumat perakaunan bagi tahun berakhir 31 Disember 2020 adalah seperti berikut:

(i) Baki	1 Januari 2020	31 Disember 2020
	RM	RM
Lengkapan	19 000	19 500
Akaun Belum Terima	2 400	-
Akaun Belum Bayar	2 700	3 340
Bank	24 500	55 460
Insurans prabayar	120	180
Kadar bayaran belum bayar	88	-
Inventori	4 195	4 515
Komisen belum terima	90	165

(ii) Penerimaan sepanjang tahun 2020 :

	RM
Jualan	37 680
Akaun Belum Terima	18 500
Komisen	3 200
Pinjaman bank	6 000
Lengkapan lama	3 200

(iii) Pembayaran sepanjang tahun 2020:

	RM
Akaun Belum Bayar	21 400
Lengkapan baharu	5 000
Gaji pekerja	4 800
Kadar bayaran	2 680
Insurans	840
Pengiklanan	400
Ambilan	2 500

Maklumat tambahan:

- (i) Diskaun diterima ialah RM230 dan diskaun diberi ialah RM215.
(ii) Pulangan belian ialah RM350.
(iii) Pindahan lejar belian ke lejar jualan RM660.
(iv) Pinjaman diluluskan pada 1 November 2020. Faedah atas pinjaman ialah 7% setahun.

Anda dikehendaki menyediakan:

- (a) Akaun Insurans [2 markah]
(b) Akaun Kawalan Belum Terima dan Akaun Kawalan Belum Bayar [5 markah]
(c) Akaun Perdagangan dan Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Disember 2020. [10 markah]
(d) Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2020. [8 markah]

3(a)(i) Urus niaga berikut di ambil daripada rekod perakaunan Perniagaan Melati Jaya:

2021

- Mac 1 Tunai di tangan RM3 500
- Tunai di bank RM18 500
- Tunai runcit RM300
- 4 Beli barang niaga dengan cek RM1 260
- 6 Belanja minuman pejabat RM55
- 10 Jualan tunai RM1 780
- 11 Ambilan tunai RM280
- 14 Beli kertas A4 dan pen RM45
- 16 Bayar cek kepada Syarikat Mercu Sinar RM2 400 terima diskaun RM150
- 22 Beli setem RM10
- 25 Bayar upah membaiki pintu pejabat RM85
- 27 Bayar Pos laju RM22
- 28 Menerima komisen secara tunai RM620
- 31 Tunai daripada pejabat dibankkan RM1 250

Anda dikehendaki menyediakan:

- (a) (i) Buku Tunai (gunakan **Lampiran A**) [7 markah]
- (ii) Buku Tunai Runcit bagi bulan Mac 2021 dengan menunjukkan rekupmen bulan bulan berikutnya. Tunjukkan lajur Alat Tulis, Belanja Pos, Belanja Am (gunakan **LAMPIRAN B**) [8 markah]

- 3 (b) Berikut adalah Buku Catatan Pertama bagi Perniagaan Good Jaya Enterprise yang beroperasi di Kluang, Johor.

Jurnal Am

Tarikh	Butir	Folio	Debit RM	Kredit RM
2021 Jun 1	Bank Modal (Memulakan perniagaan)		20 000	20 000
26	Promosi Belian (Ambil barang niaga untuk tujuan promosi)		300	300

Jurnal Belian

Tarikh	Butir	Folio	Jumlah RM
2021 Jun 15	Elyna Enterprise		5 530
30	Akaun Belian	Dt	5 530

Buku Tunai

Tarikh	Butir	Folio	Tunai	Bank	Tarikh	Butir	Folio	Tunai	Bank
2021			RM	RM	2021			RM	RM
Jun 1	Modal			20 000	Jun 5	Tunai	K		1 000
5	Bank	K	1 000		10	Kadar Bayaran		150	
16	Jualan			1 680	23	Belian		500	
25	Komisen		150		31	Baki h/b		500	20 680
			1 150	21 680				1 150	21 680
Julai 1	Baki b/b		500	20 680					

Berdasarkan Buku Catatan Pertama di atas, **anda dikehendaki** mengepos catatan ke lejar berkenaan

[10 markah]

Bahagian B**[40 markah]**(Jawab mana-mana **dua** soalan)

4 Amalia, Fatin dan Kasih ialah rakan kongsi dalam Perkongsian AFK Lestari.

Ikatan Perkongsian mereka telah menetapkan perkara-perkara berikut:

- (i) Faedah atas ambilan 6% setahun.
- (ii) Faedah atas modal 5% setahun atas baki awal.
- (iii) Gaji Kasih RM12 000 setahun.
- (iv) Faedah atas pinjaman pekongsi 8% setahun.
- (v) Elaun tahunan Amalia berjumlah RM3 600.
- (v) Kongsi untung atau rugi diagihkan mengikut nisbah modal pekongsi.

Berikut ialah maklumat yang diperolehi daripada Perkongsian AFK Lestari pada 30 Jun 2021.

	Debit	Kredit
	RM	RM
Modal pada 1 Julai 2020:		
Amalia		30 000
Fatin		20 000
Kasih		50 000
Akaun Semasa pada 1 Julai 2020:		
Amalia	1 190	
Fatin		1 600
Kasih		700
Gaji Kasih	8 000	
Elaun Amalia		3 600
Pinjaman daripada Kasih		20 000

Maklumat tambahan:

- (i) Pada 30 Jun 2021 untung bersih perkongsian ialah RM39 600. Perkara-perkara berikut belum diambil kira semasa pengiraan untung bersih.
 - Insurans prabayar RM550
 - Faedah pinjaman pekongsi akan dikreditkan ke akaun semasa Kasih
 - Baki Akaun Belum Terima RM200 dianggap sebagai hutang lapuk.
- (ii) Ambilan pekongsi menggunakan cek:

Amalia	RM5 000	1 Januari 2021
Fatin	RM2 000	1 Mac 2021
Kasih	RM8 000	1 Julai 2020
	RM2 000	30 April 2021

Anda dikehendaki:

- (a) **Menghitung** untung bersih terselaras bagi tahun berakhir 30 Jun 2021. [4 markah]
- (b) **Menyediakan:**
- (i) Penyata Pengasingan Untung Rugi bagi tahun berakhir 30 Jun 2021. [8 markah]
- (ii) Akaun Semasa pekongsi bagi tahun berakhir 30 Jun 2021. [8 markah]

5 (a) Cik Dina, pemilik Kedai Buku Mardina Trading bercadang untuk menyediakan Belanjawan Tunai kedainya mulai bulan Januari 2021.

- (i) Pada 1 Januari 2021, baki tunai perniagaannya ialah RM4 600.
- (ii) Jualan pada bulan Januari ialah RM5 000.
Jualan pada bulan Februari dan Mac meningkat 10% daripada bulan sebelumnya.
- (iii) Anggaran belian bulanan.

Bulan	RM
Disember	3 200
Januari	3 600
Februari	4 000
Mac	4 200

Semua belian diberi tempoh kredit satu bulan.

- (iv) Komisen diterima dianggarkan RM300 setiap bulan.
- (v) Anggaran perbelanjaan bulanan:

	RM
Sewa kedai	800
Kadar bayaran	230

- (vi) Pinjaman RM60 000 dijangka akan diterima pada Februari 2021. Pinjaman ini berserta faedah 6 % setahun dengan tempoh bayar balik selama 4 tahun. Ansuran bayaran balik pokok dan faedah akan dibuat setiap awal bulan bermula bulan Mac.
- (vii) Susut nilai kenderaan dianggarkan RM330 setiap bulan.

Anda dikehendaki menyediakan Belanjawan Tunai bagi 3 bulan berakhir 31 Mac 2021.

(Tunjukkan lebihan atau kekurangan) [14 markah]

- (b) Kesilapan berikut telah ditemui setelah Imbangan Duga pada 31 Disember 2020 disediakan.
- (i) Belian alatan pejabat berkost RM2 800 telah direkod dalam Akaun Belian.
- (ii) Bayaran cek RM428 kepada Jaya Trading telah direkodkan sebagai RM482.
- (iii) Ambilan barang niaga untuk kegunaan peribadi RM280 tertinggal catat dalam mana-mana buku.

Anda dikehendaki menyediakan catatan jurnal untuk membetulkan kesilapan.

(Abaikan keterangan).

[6 markah]

- 6 Pewaris Enterprise pengeluar kuih bulan di Kampung Tengah bercadang untuk mengeluarkan produk baharu berasaskan inti kerisik kelapa berjenama Cocomoon. Harga jualan sebiji kuih bulan berkenaan ialah RM32.

Anggaran kos pengeluaran produk berkenaan adalah seperti berikut:

	RM
Susut nilai mesin	1 500
Sewa kilang	1 300
Kerisik kelapa	1.00 sebiji
Gula Melaka	0.50 sebiji
Serbuk kayu manis	0.20 sebiji
Lain-lain bahan	0.30 sebiji
Upah langsung	2.00 sebiji

Anda dikehendaki:

(a) Menghitung:

- (i) Margin caruman seunit [2 markah]
- (ii) Titik Pulang Modal [2 markah]
- (iii) Bilangan kuih bulan yang perlu dijual untuk mendapat keuntungan RM1 400 [2 markah]
- (iv) Titik Pulang Modal yang baru sekiranya harga jualan meningkat kepada RM39 [2 markah]
- (v) Nyatakan **dua** fungsi Titik Pulang Modal [2 markah]

(b) Berdasarkan jawapan anda di 6(a) (ii),

- (i) Lakarkan graf Titik Pulang Modal dengan menunjukkan garisan kos tetap, jumlah kos, jumlah hasil, jumlah Titik Pulang Modal dalam unit dan RM. [9 markah]
- (ii) Lorekkan kawasan untung dan rugi. [1 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT

Nama : _____

Lampiran A**Buku Tunai**

Nama : _____

Lampiran B

Buku Tunai Runcit
